

02 MAY 1997

Hassan-Terima Kasih

ABU HASSAN UCAP TERIMA KASIH KEPADA SULTAN SELANGOR DAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Datuk Abu Hassan Omar hari ini mengucapkan terima kasih kepada Sultan Selangor dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk menerajui Selangor.

Bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu berkata kepercayaan pucuk pimpinan kepadanya untuk menggantikan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib sebagai Menteri Besar yang baru merupakan suatu penghargaan yang sangat tinggi.

"Saya menerima jawatan ini sebagai satu tanggungjawab besar yang perlu dipikul kerana perkembangan di Selangor begitu penting memandangkan banyak projek besar sedang dilaksanakan," katanya kepada Bernama ketika ditemui di kediamannya di sini, petang ini.

Antara projek yang sedang dilaksanakan di negeri itu ialah Koridor Raya Multimedia dan Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang. Projek mega lain yang ialah di Putrajaya, Cyberjaya dan Pelabuhan Barat.

Pelantikan Hassan diumumkan oleh Anwar tengah hari ini selepas menghadap Sultan Selangor untuk mendapatkan perkenan baginda. Muhammad meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar pada 14 April lepas.

Abu Hassan, 56, timbalan pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Selangor, meletakkan jawatan kabinet dan mengosongkan kerusi parlimen Kuala Selangor berkuatkuasa hari ini.

Beliau akan bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang dalam pilihan raya kecil tidak lama lagi. (Beliau perlu memenangi pilihan raya kecil itu kerana jawatan MB harus dipegang oleh seorang anggota dewan itu).

Datuk Jamaluddin Adnan, yang mengosongkan kerusi dewan undangan negeri itu akan bertanding kerusi parlimen Kuala Selangor. Jamaluddin pernah menjadi setiausaha politik kepada Hassan.

Abu Hassan meminta kerjasama dan sokongan semua pihak termasuk semua

anggota dewan undangan negeri, anggota Exco Negeri Selangor dan seluruh rakyat, untuk melaksanakan tanggungjawab bersama membangunkan Selangor.

Beliau berkata perkara penting pertama yang harus dilaksanakannya ialah menentukan kemenangannya pada pilihan raya kecil Permatang.

Beliau meminta semua komponen Barisan Nasional dari seluruh peringkat supaya menggerakkan seluruh jentera parti untuk pilihan raya kecil itu.

Abu Hassan berkata beliau tidak menduga dilantik menjadi Menteri Besar Selangor dan hanya mengetahui mengenai perkara itu apabila Anwar memberitahunya demikian selepas menghadap Sultan Selangor pagi tadi.

Di kediaman beliau petang ini, Abu Hassan sibuk melayan rakan-rakan dan para penyokong parti yang datang untuk memberikan ucapan tahniah kepadanya.

Abu Hassan berkata pembangunan Selangor penting kerana ia sebuah negeri terkemuka di negara ini dan berjalan seiring dengan pembangunan di peringkat kebangsaan.

Di samping sokongan para pemimpin Selangor, beliau berkata sokongan dan bantuan berterusan daripada Perdana Menteri, Timbalan Perdana dan kerajaan persekutuan sangat penting bagi negeri itu kerana banyak projeknya melibatkan kerajaan persekutuan.

Abu Hassan, anak jati Selangor dari Bukit Belimbing, Kuala Selangor, bergiat dalam bidang politik sejak 1957, tahun negara mencapai kemerdekaan, dan menjadi anggota Umno kawasan itu.

Kali pertama beliau bertanding dalam pilihan raya umum ialah pada 1978 bagi kawasan Parlimen Kuala Selangor. Beliau memenangi kerusi itu dan mengekalkan kedudukannya sehingga sekarang sebelum melepaskannya hari ini untuk bertanding kerusi dewan undangan negeri Permatang. -- BERNAMA

HT NAK